

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 17 MAC 2016

RUJUKAN : 8608

SOALAN:

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah sumbangan levi permit kerja dari pekerja asing dari tahun 2011 sampai 2015 mengikut sektor ekonomi dan negara asal pekerja asing. Apakah justifikasi Kerajaan meningkatkan bayaran levi pekerja asing.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengenakan bayaran levi pengambilan pekerja asing berdasarkan sektor. Jumlah levi yang dikutip oleh Kerajaan daripada pekerja asing mengikut tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN LEVI (RM)
2011	1,807,559,238.97
2012	2,618,101,763.53
2013	2,423,003,405.28
2014	2,637,594,587.09
2015	2,254,148,205.66

Pecahan bagi lima (5) negara sumber pekerja asing tertinggi yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) aktif pada 31 Disember 2014 dan 2015 mengikut adalah seperti berikut :

1.	Indonesia	785,236	746,063	1,065,641	817,300	835,965
2.	Nepal	258,497	304,717	451,659	490,297	502,596
3.	Bangladesh	116,663	132,350	354,721	296,930	282,437
4.	Myanmar	146,126	129,506	192,206	143,334	145,652
5.	India	87,399	93,761	147,795	105,188	139,751

Kerajaan berhasrat untuk memperkemaskan sistem pengurusan pekerja asing sedia ada dengan kadar levi diklusterkan kepada dua kategori. Kerajaan berpendapat bahawa terdapat keperluan untuk memperkemaskan sistem pengurusan pekerja asing. Pekerja asing pada ketika ini dikenakan bayaran levi mengikut sektor berbeza-beza.

Bayaran levi yang berbeza-beza ini bukan sahaja mengelirukan majikan malah turut mendorong pekerja asing melanggar syarat imigresen semata-mata untuk bekerja di dalam sektor yang mengenakan bayaran levi yang lebih murah. Oleh yang demikian, satu sistem levi yang lebih efisien diperlukan bagi menggantikan sistem levi sedia ada.

Sehubungan itu, kadar levi akan diselaraskan mengikut kategori di mana kategori satu terdiri daripada sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan. Manakala, kategori kedua terdiri daripada sektor perladangan dan pertanian.

Kerajaan telah melaksanakan sesi *engagement* dengan wakil-wakil industri dan telah mendapatkan maklumbalas terhadap cadangan Kerajaan untuk menentukan kadar levi yang bersesuaian. Kadar levi baru yang telah ditetapkan oleh Kerajaan telah mengambilkira maklumbalas yang diberikan oleh industri dan kadar ini tidak akan membeban dan menjejaskan momentum perkembangan industri.

Selain itu, penstrukturan kategori levi juga merupakan komitmen Kerajaan untuk sentiasa menambah baik pengurusan pekerja asing di samping menggalakkan industri berintensifkan buruh untuk beralih ke arah industri berasaskan automasi dan mekanisasi. Peralihan ini dijangka meningkatkan produktiviti serta meningkatkan daya saing industri.

Walau bagaimanapun, Kerajaan buat masa ini telah bersetuju untuk menangguhkan kenaikan kadar levi ini ke suatu tarikh yang akan ditentukan setelah mendapat maklumbalas dari industri.